



# PANDUAN PENGURUSAN AKHIR HAYAT PESAKIT

*End of Life*







# PANDUAN PENGURUSAN AKHIR HAYAT PESAKIT

*End of Life*



2022

Penerbit:

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
www.islam.gov.my

Cetakan Pertama 2022

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia


Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
BAHAGIAN PENYELIDIKAN**

Aras 4, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya,  
No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
MALAYSIA

Dicetak oleh:  
OMR Press Sdn. Bhd  
No. 18, Jalan Industri USJ 1/12,  
Taman Perindustrian USJ 1,  
47600 Subang Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-8024 6396 Faks: 03-8024 6396

# KANDUNGAN



<b>KATA-KATA ALUAN</b>	4	
<b>PENGHARGAAN</b>	5	
<b>01</b>	Pengenalan	6
<b>02</b>	Tujuan	7
<b>03</b>	Petugas Kesihatan	7
<b>04</b>	Tanggungjawab Petugas	8
<b>05</b>	Amalan Ketika Menguruskan Pesakit ( <i>End of Life</i> )	9
<b>06</b>	Penutup	15



## KATA-KATA ALUAN

**A**lhamdulillah. Segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Panduan Pengurusan Akhir Hayat Pesakit (*End of Life*) adalah usaha mendokumentasikan tanggungjawab Petugas Kesihatan yang merangkumi semua kakitangan yang berkhidmat di sesuatu fasiliti kesihatan iaitu Doktor, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Pegawai atau Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga petugas sosial yang ditempatkan di mana-mana fasiliti kesihatan, ketika berhadapan dengan pesakit yang sedang nazak atau yang tiada harapan untuk sembah.

Panduan ini adalah hasil perkongsian maklumat antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangan idea yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan panduan ini. Semoga ianya memeberi manfaat kepada semua pihak yang berkaitan dan dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat Islam.

Sekian.

Ketua Pengarah,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



# PENGHARGAAN

J abatan Kemajuan Islam Malaysia merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat yang telah berusaha gigih menyediakan Panduan Pengurusan Akhir Hayat Pesakit (*End of Life*). Semoga usaha-usaha tersebut mendapat ganjaran dan kebaikan dunia akhirat.



## PENASIHAT

- Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff



## KETUA PENGARANG

- Puan Nor Safina binti Zainal



## SIDANG PENGARANG

- Dr. Ahmad Fahmi bin Md Sahray
- Dr. Abdul Ghaffar bin Surip
- Puan Hajah Khatijah binti Abd Rahman
- Tuan Mohd Isa bin Abdullah
- Tuan Eizzul A'la bin Bajuri @ Mohamad
- Puan Shamrifah binti Dahalan
- Puan Norhidayu binti Rusali
- Tuan Yus Mahadi bin Yusoff



01

## PENGENALAN

- 1.1 Pandemik COVID-19 telah memberi kesan langsung dan merubah banyak norma kebiasaan hidup manusia termasuk dalam aspek penyampaian perkhidmatan kerajaan khususnya yang berkaitan dengan sektor kesihatan. Beberapa perubahan polisi misalnya berkaitan pengoperasian hospital, pelawat dan peneman terpaksa dibuat bagi mengekang penularan COVID 19.
- 1.2 Dalam situasi pandemik ini, pelawat tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes tertentu bergantung kepada kelulusan pihak hospital. Penjaga pesakit di wad hanya dibenarkan bagi pesakit kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, pesakit yang memerlukan bantuan seperti warga emas, pesakit strok dan pesakit kurang upaya. Manakala bagi pesakit-pesakit lain termasuk pesakit yang sedang nazak atau yang tiada harapan untuk sembuh, mereka hanya dijaga dan di bawah pengawasan petugas kesihatan yang ditetapkan.
- 1.3 Bagi pesakit Muslim yang berada dalam keadaan akhir hayat (*End of Life*), perhatian terhadap keperluan penjagaan spiritual (*spiritual care*) sangat penting agar pengakhiran hayat mereka beroleh kesudahan yang baik (*husnul khatimah*) dan kebahagiaan yang hakiki di akhirat.
- 1.4 Justeru, satu panduan perlu disediakan sebagai rujukan kepada petugas kesihatan dan waris ketika berhadapan dengan pesakit yang sedang nazak atau yang tiada harapan untuk sembuh.

**02****TUJUAN**

- 2.1 Panduan Pengurusan Akhir Hayat Pesakit (*End of Life*) merupakan panduan ringkas yang disediakan sebagai dokumen rujukan kepada petugas kesihatan dan waris mengenai tatacara ketika berhadapan dengan pesakit Muslim yang tiada harapan untuk sembuh atau yang sedang nazak agar saat-saat akhir hayat pesakit dapat dikendalikan dengan sebaiknya mengikut tuntutan syariat.
- 2.2 Ia juga bertujuan untuk memudahkan petugas kesihatan membantu pesakit dalam kategori ini tanpa menambah beban tugas sedia ada. Begitu juga dengan waris yang berdepan dengan saat kehilangan ahli keluarga, panduan ini diharapkan dapat membantu mereka melalui fasa penerimaan kematian keluarga tersayang.

**03****PETUGAS KESIHATAN**

- 3.1 Petugas kesihatan meliputi semua kakitangan yang berkhidmat di sesuatu fasiliti kesihatan iaitu Doktor, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Pegawai atau Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga petugas sosial yang ditempatkan di mana-mana fasiliti kesihatan.



- 3.2 Petugas sosial ialah petugas yang dilantik oleh mana-mana badan yang ditugaskan di hospital untuk menjalankan fungsi-fungsi tertentu secara berbayar dan bertanggungjawab kepada penyelia yang telah ditetapkan.
- 3.3 Sukarelawan adalah individu yang melakukan tugasan bagi kepentingan pesakit tanpa ganjaran kewangan di sesebuah hospital setelah permohonan mereka diluluskan oleh Pengarah Hospital dan perkhidmatannya tertakluk kepada Garis Panduan Khidmat Sukarela Di Hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia 2016.

**04**

## **TANGGUNG JAWAB PETUGAS**

- 4.1 Bagi memastikan panduan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya, maka latihan asas akan diberikan kepada semua petugas yang berkaitan mengenai peranan mereka dalam menyampaikan aktiviti penjagaan spiritual kepada pesakit yang memerlukan dan secara langsung dapat membiasakan mereka dengan tatacara yang telah ditetapkan.
- 4.2 Pegawai Kader JAKIM yang ditempatkan di hospital-hospital hendaklah berperanan sebagai fasilitator untuk memberikan latihan asas kepada petugas kesihatan khususnya pasukan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti klinikal. Latihan ini boleh diintegrasikan bersama program latihan lain yang disertai wakil jabatan atau unit dalam fasiliti kesihatan berkenaan.



- 4.3 Petugas kesihatan yang telah mendapat latihan dari fasilitator boleh menggunakan panduan ini ketika berhadapan dengan pesakit yang sedang nazak.

**05**

## **AMALAN KETIKA MENGURUSKAN PESAKIT (END OF LIFE)**

- 5.1 Beberapa amalan yang boleh dilakukan oleh para petugas kesihatan dan waris antaranya:
- 5.1.1 Petugas Kesihatan hendaklah membimbing pesakit untuk mengucap kalimah *Tayyibah* لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
- 5.1.2 Menganjurkan waris untuk membacakan Surah Yasin atau ayat-ayat suci Al-Quran selepas menyampaikan perkhabaran berkenaan keadaan pesakit yang sedang nazak. Ia boleh dilakukan di kediaman masing-masing dengan penuh pengharapan kepada Allah SWT.
- 5.1.3 Petugas Kesihatan boleh memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran melalui sistem siar raya (PA Sistem).
- 5.1.4 Petugas Kesihatan boleh mendoakan pesakit yang sedang nazak dengan doa-doa berikut:



## Doa Agar Dipermudahkan Menghadapi Sakaratul Maut

اللَّهُمَّ أَعِنْهُ عَلَى سَكَرَاتِ الْمَوْتِ

(Bagi pesakit lelaki)

اللَّهُمَّ أَعِنْهَا عَلَى سَكَرَاتِ الْمَوْتِ

(Bagi pesakit perempuan)

Maksudnya: “*Ya Allah, tolonglah dia dalam menghadapi sakaratul maut (kedahsyatan mati)*”

Lafaz doa ini diambil dan diiqtibaskan daripada hadith riwayat Ahmad, no. 24356:

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى سَكَرَاتِ الْمَوْتِ

“*Ya Allah, bantulah diriku dalam menghadapi sakaratul maut (kedahsyatan mati)*”





### Doa Memohon Keampunan

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ ، وَأَلْحِقْهُ بِالرَّفِيقِ الْأَعْلَى

(Bagi pesakit lelaki)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا ، وَأَلْحِقْهَا بِالرَّفِيقِ الْأَعْلَى

(Bagi pesakit perempuan)

Maksudnya: “Ya Allah, ampunilah dia, rahmatilah dia dan pertemukanlah dia dengan al-Rafiqul a’laa (para nabi dikedudukan tertinggi).”

Lafaz doa ini diambil dan diiktibaskan daripada hadith riwayat al-Tirmizi, 3496:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي ، وَأَلْحِنْنِي بِالرَّفِيقِ الْأَعْلَى

“Ya Allah, ampunilah daku, rahmatilah daku dan pertemukanlah daku dengan al-Rafiqul a’laa (para nabi dikedudukan tertinggi).”

### Doa Memohon Kesembuhan

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِئَكَ

Maksudnya: “Saya memohon kepada Allah yang Maha Agung, Tuhan yang mempunyai ‘Arsy yang besar, semoga Allah akan menyembuhkan kamu.”

(Baca 7x di sisi pesakit)

Lafaz doa ini diambil daripada hadith riwayat Abu Dawud, no. 3106 dan at-Tirmizi, no. 2083)



5.1.5 Mendoakan pesakit dengan ucapan istirja' setelah pasti dia meninggal dunia.

### Doa Istirja'

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksudnya: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali"

Lafaz doa ini diambil daripada hadith riwayat Muslim, no. 918:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَقُولُ :  
سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : مَا مِنْ عَبْدٍ تُصِيبُهُ  
مُصِيبَةٌ فَيَقُولُ : { إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ } الَّهُمَّ أَجْرِنِي فِي  
مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا، إِلَّا أَجْرَهُ اللَّهُ فِي مُصِيبَتِهِ وَأَخْلِفَ  
لَهُ خَيْرًا مِنْهَا

Maksudnya:

Daripada Ummi Salamah RA - Isteri Nabi ﷺ, beliau berkata; Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Tidaklah seseorang hamba apabila tertimpa musibah lalu dia mengucapkan :

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ، الَّهُمَّ أَجْرِنِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي  
خَيْرًا مِنْهَا

(Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada-Nya kami akan dikembalikan. Ya Allah, berikanlah ganjaran kepadaku di atas musibah yang menimpaku dan gantikanlah untukku sesuatu yang lebih baik darinya), melainkan pasti Allah akan menggantikan buatnya sesuatu yang lebih baik darinya."

(Hadith riwayat Muslim, no. 918, Abu Dawud, no. 3119, Ahmad, no. 26635)



5.1.6 Bagi pesakit yang masih berupaya (sedar), mereka boleh dibimbing untuk mengamalkan doa-doa berikut bagi memohon kesembuhan daripada Allah SWT.

### Doa Istighfar

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ

Maksudnya: “Aku memohon keampunan kepada Allah yang tiada Tuhan kecuali Dia, yang tetap hidup dan kekal serta aku bertaubat kepada-Nya”

Diambil daripada hadith;

عَنْ زَيْدِ بْنِ الْخَارِثَةَ أَنَّهُ سَمَعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ قَالَ: أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ، غُفِرَ لَهُ، وَإِنْ كَانَ قَدْ فَرَّ مِنَ الزَّحْفِ.

Maksudnya:

Daripada Zaid bin al-Harithah r.a., bahawa beliau mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, “Sesiapa yang mengucapkan;

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ

(Aku memohon keampunan kepada Allah yang tiada Tuhan kecuali Dia, yang tetap hidup dan kekal serta aku bertaubat kepada-Nya), dia pasti akan diampuni walaupun dia pernah lari dari medan pertempuran.”

(Riwayat Abu Dawud, no. 1517)



### Doa Selawat

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Maksudnya: "Ya Allah, selawatkanlah ke atas Nabi Muhammad dan ke atas ahli keluarganya"

### Doa Memohon Kesihatan

اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَدْنِي اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي سَمْعِي اللَّهُمَّ عَافِنِي  
فِي بَصَرِي

Maksudnya: "Ya Allah, sihatkanlah badanku, Ya Allah sihatkanlah pendengaranku, Ya Allah, sihatkanlah penglihatanku."

Lafaz doa ini diambil daripada hadith riwayat Abu Dawud, 5090.

### Doa Memohon Perlindungan

بِسْمِ اللَّهِ (3x) أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ  
وَأَحَادِرُ (7x)

Makudnya: "Dengan nama Allah (dibaca 3x). (Lalu membaca doa sebanyak 7x): "Saya berlindung dengan kebesaran Allah dan kekuasaan-Nya daripada kejahanatan apa yang aku deritai dan aku khuatirkan."

Diambil daripada hadith riwayat Muslim, no. 2202.



06

## PENUTUP

- 6.1 Islam menggariskan adab atau tatacara tertentu ketika berdepan dengan pesakit nazak atau yang tiada harapan untuk sembuh. Di samping berdoa supaya Allah memberikan keampunan kepadanya, kita juga digalakkan untuk melakukan beberapa perkara seperti yang dinyatakan dalam panduan ini yang merupakan sebahagian daripada preskripsi spiritual yang digunakan dalam perkhidmatan penjagaan spiritual pesakit.
- 6.2 Semoga panduan ini dapat menjadi rujukan berguna kepada para petugas kesihatan, ahli keluarga atau sesiapa sahaja dalam menguruskan pesakit yang sedang menghadapi sakaratul maut terutamanya kepada para petugas pesakit COVID-19 sebagaimana ketetapan syarak dan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan oleh kerajaan.



**>> NOTA**





JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)  
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,  
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
Presint 3, 62100 Putrajaya

03-8870 7000

03-8870 7003

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)